

ICLALIS 2013

Medan Maklumat dalam Kamus Ekabahasa Melayu

Chong Oi Chin^{a*}, Vijayaletchumy a/p Subramaniam^b^{a,b}*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia(UPM), 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia.*

Abstrak

Kajian bidang leksikografi ini menyelidik perbandingan medan maklumat antara dua buah kamus ekabahasa Melayu, iaitu Kamus Dewan Edisi Keempat dan Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Keempat. Medan maklumat ialah istilah yang merujuk kepada jenis-jenis maklumat daripada sesebuah kamus yang boleh didapati oleh pengguna seperti ejaan, sebutan, makna, tatabahasa, etimologi, penggunaan kata, silang kata dan sebagainya yang penting oleh para penyusun dan berguna untuk pengguna kamus berkenaan. Data kajian pula terdiri daripada 1080 entri yang dipilih secara rawak mudah dan bersistematik. Kaedah kajian ialah kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Data dianalisis secara deskriptif asas. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti penggunaan medan maklumat dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia berdasarkan penggunaan prinsip-prinsip umum leksikografi. Pelbagai aspek yang terkandung dalam medan atau kategori maklumat dalam sesebuah kamus. Sebanyak enam aspek yang akan dibincangkan dalam kajian ini iaitu ejaan, penyusunan entri atau kata masukan, sebutan, penggunaan kata, etimologi, dan rujuk silang. Hasil kajian menunjukkan bahawa memang wujudnya perbezaan, persamaan dan kekurangan dalam medan maklumat kedua-dua buah kamus tersebut. Kelebihan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan medan maklumat dalam sesebuah kamus ekabahasa Melayu membantu pihak penyusun kamus menghasilkan sebuah kamus yang berwibawa. Kajian ini mendedahkan para pengguna khususnya para pendidik, pelajar dan ahli-ahli akademik tentang kepentingan medan maklumat dalam kamus yang perlu diketahui oleh pengguna sebelum memiliki sesebuah kamus yang “baik”. Secara tidak langsung memperkayakan pengetahuan dalam bahasa Melayu.

© 2014 The Authors. Published by Elsevier Ltd. Open access under [CC BY-NC-ND license](#).

Selection and peer-review under the responsibility of the Organizing Committee of ICLALIS 2013.

Kata kunci: perbandingan; medan maklumat; kamus ekabahasa Melayu.

1. Pengenalan

Medan maklumat atau kategori maklumat (*information category*) merupakan salah satu aspek penting dalam metabahasa sesebuah kamus. Kategori maklumat dalam sesebuah kamus ialah istilah yang merujuk kepada jenis maklumat daripada kamus yang boleh didapati oleh pengguna seperti ejaan, sebutan, makna, tatabahasa, etimologi,

* Corresponding author: Chong Oi Chin. Tel.: +60198407272.

E-mail address: chongoichin@gmail.com

penggunaan kata dan lain-lain yang penting oleh para penyusun dan berguna untuk pengguna kamus berkenaan (Fadilah Jasmani, 1994 & Mohd. Rasdi Saamah, 2012). Justeru, penggunaan medan maklumat merupakan pola susunan yang merangkumi aspek pemerian dan penyajian sesuatu entri dalam sesebuah kamus. Medan maklumat bukan hanya mempunyai maklumat linguistik, tetapi juga meliputi maklumat bukan linguistik. Gleason (dalam Ibrahim Ahmad, 1994: 103) menyatakan bahawa bidang perkamusan merupakan pertemuan semua sistem linguistik dan bukan linguistik, malah juga telah dijelaskan oleh Zgusta (dalam Ibrahim Ahmad, 1991: 603) seperti berikut:

“The theory of lexicography is connected with lexical system, semantic, lexicology, grammar, stylistic, morphology ... the dictionary ... the meeting place of all systems linguistic and non-linguistic”.

(Ibrahim Ahmad, 1991: 603)

Edgar Dale *dll.* (1971) berpendapat bahawa biasanya medan maklumat sesebuah kamus ekabahasa meliputi 15 aspek iaitu kata kepala atau entri, bentuk kata, ejaan dan ucapan, jenis kata, sinonim dan antonim, konteks penggunaan kata, takrif, catatan penggunaan kata, ilustrasi penjelas takrif, penerbitan kata turunan, contoh penggunaan kata, frasa, petikan, kata asing, dan rujuk silang. Manakala bagi Lawrence Johnson (1984) dalam kajiannya yang berjudul *“Some Foundation of Lexicography in SEA Englishes”*, beliau menyenaraikan lima kategori sahaja yang perlu ada dalam sesebuah kamus iaitu ejaan, sebutan, maklumat morfologi, etimologi dan ilustrasi.

Dalam kajian ini, kategori atau medan maklumat yang akan dianalisis secara perbandingan dalam kedua-dua buah kamus ekabahasa tersebut merangkumi enam kategori sahaja iaitu ejaan, penyusunan entri atau kata masukan, sebutan, penggunaan kata, etimologi, dan rujuk silang.

1.1 Pernyataan Masalah

Masalah perbincangan kajian ini ialah persoalan tentang penggunaan medan atau kategori maklumat dalam kamus ekabahasa Melayu, khususnya Kamus Dewan Edisi Keempat (selanjutnya KD4) tahun 2010, terbitan DBP; dan Kamus Besar Bahasa Indonesia Pusat Bahasa Edisi Keempat (selanjutnya KBBI4), tahun 2011, terbitan PT Gramedia Pustaka Utama. Penggunaan medan maklumat dalam kamus merupakan suatu persoalan yang jarang dibincangkan secara ilmiah oleh pengkaji di Malaysia.

Hasil tulisan pengkaji seperti Yusof Hitam (1961), Teeuw, A (1964), Ibrahim Ahamd (1992), dan Noresah Baharom (1993) hanyalah bersifat huraian umum dan kronologis tentang kaedah penyusunan sesebuah kamus dan sejarah perkamusan Melayu. Selain itu, kajian lain iaitu Asmah Haji Omar (1987), Ibrahim Ahmad (1991, 2004), dan Noresah Baharom (1993, 2009) pula bersifat huraian mengenai kriteria yang perlu dalam penyusunan entri sesebuah kamus dan kepentingan Kamus Dewan yang menjadi rujukan umum. Namun, kesemua kajian ini masih tidak memadai kerana tidak ada huraian secara mendalam seperti pemberian contoh dalam kajian mereka khususnya penggunaan medan atau kategori maklumat dalam kamus ekabahasa Melayu.

Daripada hasil kajian para sarjana di atas, ternyata masih kekurangan kajian tentang perkamusan Melayu khasnya penggunaan medan atau kategori maklumat dalam sesebuah kamus. Kajian tentang kategori atau medan maklumat dalam kamus tidak banyak disentuh oleh para ahli leksikografi dan metaleksikografi Malaysia dan Indonesia. Jadi, dalam kajian ini, pengkaji cuba mengenal pasti penggunaan medan maklumat dalam kamus ekabahasa Melayu dengan membuat perbandingan antara dua buah kamus umum iaitu KD4 dan KBBI4 berdasarkan kerangka prinsip-prinsip umum leksikografi yang berbentuk deskriptif, lebih terperinci dan mendalam.

1.2 Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah penggunaan medan maklumat dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia?

1.3 Objektif Kajian

- i. Menenal pasti penggunaan medan maklumat dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia.

Download English Version:

<https://daneshyari.com/en/article/1113680>

Download Persian Version:

<https://daneshyari.com/article/1113680>

[Daneshyari.com](https://daneshyari.com)